

Garis Panduan Kawalan Infeksi Di Fasiliti KESIHATAN PRIMER


Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Aras 8, Blok E10, Parcel E,
Kementerian Kesihatan Malaysia
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya, Malaysia

<http://fh.moh.gov.my>




Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia



Garis Panduan
Kawalan Infeksi Di Fasiliti
**KESIHATAN
PRIMER**



Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia



Prakata

To' Puan Dr. Safurah Jaafar

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kemunculan penyakit berjangkit yang baru seperti SARS dan H1N1 serta peningkatan semula kejadian penyakit berjangkit seperti PTB, dan lain-lain telah mendorong pelaksanaan kawalan infeksi yang cekap dan berkesan di semua fasiliti kesihatan primer. Walaupun *Standard Precaution* adalah sebahagian dari amalan klinikal di semua fasiliti kesihatan primer, kawalan infeksi secara berstruktur belum dilaksanakan seperti program kawalan infeksi di peringkat hospital. Program ini merupakan aktiviti yang penting dalam mencegah transmisi penyakit berjangkit di fasiliti kesihatan primer samada dikalangan anggota kesihatan atau pengunjung.

Penyediaan garis panduan ini adalah tepat pada masanya memandangkan garis panduan ini disediakan khusus untuk digunakan di fasiliti kesihatan primer. Saya berharap agar garis panduan yang disediakan ini dapat memberi panduan secara generik dan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memperkukuhkan pelaksanaan kawalan infeksi di seluruh fasiliti kesihatan primer.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah berusaha dengan gigih dan memberi komitmen yang jitu dalam usaha untuk menghasilkan garis panduan ini terutamanya ahli pasukan daripada negeri-negeri.

Terima kasih.



To' Puan Dr. Safurah Jaafar

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Kumpulan Kerja Penyediaan Garis Panduan

PENGHARGAAN

Penasihat

To' Puan Dr. Safurah binti Jaafar

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga

Dr. Kamaliah binti Mohamad Noh

Timbalan Pengarah (Kesihatan Primer)

Urusetia (*Principal Authors*)

Cawangan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Dr. Noraini binti Mohd Yusof

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Pn. Najwa binti Ahmad Hamdi

Ketua Penolong Pengarah (Pegawai Farmasi)

Pn. Anny Mary ap S. Joseph @ Soosai

Ketua Penyelia Jururawat Kesihatan

Pn. Mahawa binti Abd Manan

Penyelia Jururawat Kesihatan

Pn. Zanita binti Ahmad

Ketua Jururawat Kesihatan

Ahli-Ahli (*Contributing Authors*)

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)

Dr. Noridah binti Mohd Saleh

Pn. Fatimah binti Ali

Pn. Farah binti Abdullah

Pn. Victoria Ponnusamy

Pn. Khadijah binti Zakaria

En. Md. Zaki bin Othman

Hj. Mohd Saidi bin Abd Rahman

En. Mohd Tarmily bin Mansor

Hj. Surni bin Mamat

En. Nor Fairul Fadli bin Yusof

Bahagian Kawalan Penyakit (KPAS)
Dr. Priya Rangunath

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Dr. Nelborn Ngiloi
Dr. Lim Jac Fang
Pn. Daisy Stanislas
Pn. Scholastica Lee
Pn. Dayang Saunah binti Mahamudin
Pn. Zaleha binti Sulaiman
Pn. Theresa Edith Lojiu
En. Andrew K. Gitam
En. Ruslee Japri
En. Jason Edwin
En. Momin Angkap
En. Iskandar Nonche

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Dr. Badrul Hisham bin Abdul Samad

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pn. Margareth Wong Ai Yung

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pn. Subbammah ap Bathisemman Chalam
En. Mohan Raj al Balakrishnan
En. Shahril Nizar bin Ismail

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pn. Suzainal Azizi bin Shukri
Hj. Robi bin Mahmood

Kandungan

Prakata	ii
Penghargaan	iii
1. Latar belakang	1
2. Objektif	2
3. Skop Garis Panduan	3
4. Amalan Kawalan Infeksi	3
4.1 a) <i>Standard Precaution</i> Dalam Pengurusan Pesakit	3
b) <i>Amalan Standard Precaution</i> Di Makmal	4
4.1.1 Pembersihan Tangan Yang Efektif	4
a) Teknik Cucian Tangan dengan Sabun/Cecair Aseptik	5
b) Teknik Cucian Tangan Dengan <i>Hand Rub</i>	7
4.1.2 Pemakaian Alat Pelindungan Diri (<i>PPE</i>)	11
4.1.3 Penyelenggaraan Kebersihan Dan Pengurusan " <i>Spillage</i> "	16
4.1.4 Disinfeksi Dan Sterilisasi	18
4.1.5 Pengurusan Linen Kotor/Tercemar	20
4.1.6 Pengurusan Peralatan Tajam Dan Sisa Klinikal	22
4.1.7 Etika Batuk/Etika Respiratori	27
4.2 <i>Additional Precaution</i>	28
4.2.1 Jangkitan melalui Udara	28
4.2.2 Jangkitan melalui Titisian	29
4.2.3 Jangkitan melalui Sentuhan	29
5.0 Pencegahan Penyakit Berjangkit Di Kalangan Anggota Kesihatan	30
5.1 Saringan	30
5.2 Perlindungan Jangkitan PTB	30
5.3 Penyakit Berjangkit Melalui Darah	31
6.0 Latihan	34
6.1 Skop Latihan	34
6.2 Anggota Yang Pelu Diberi Latihan	34

7.0 Pendidikan Pesakit	35
8.0 Penyeliaan	35
9.0 Pemantauan	35
9.1 Pemantauan Dalaman	35
9.2 Pemantauan Luaran	36
10 Dokumentasi	37
11 Program Survelans Kesihatan Pekerjaan	37
12 Lampiran 1 <i>WHO Glove Use Information Leaflet</i>	40
Lampiran 2 Carta Alir Saringan Penyakit PTB	41
Lampiran 3 Carta Alir Proses Imunisasi Hepatitis B Bagi Kump. 1	42
Lampiran 4 Carta Alir Proses Imunisasi Hepatitis B Bagi Kump. 2	43
Lampiran 5 <i>Borang Management Of The Exposed Health Care Worker Section (OHU/SIS-2a)</i>	44
Lampiran 6 <i>Borang Epidemiology Section (OHU/SIS-1)</i>	45
Lampiran 7 <i>Process Flow On Notification Of Sharps Injury In Health Clinic/Dental Clinic In Health Side</i>	46
Lampiran 8 <i>Garis Panduan Link Nurse Kawalan Infeksi Peringkat Kesihatan Primer</i>	48
Lampiran 9 <i>Format Senarai Semak Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer</i>	50
Lampiran 9A <i>Laporan Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (Ringkasan Fasiliti)</i>	64
Lampiran 9B <i>Laporan Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (Ringkasan Negeri)</i>	65
Lampiran 10 <i>Senarai Semak Peralatan Dan Bahan-Bahan</i>	67
Lampiran 11 <i>Tool Kit For Infection Control Training</i>	69
Lampiran 12 <i>Format Penilaian Praktikal Hand Hygiene</i>	71
Lampiran 13 <i>Format Laporan Latihan Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer</i>	73
13 Terminologi	74
14 Singkatan	76
15 Rujukan	77

Pengenalan


1. Latar Belakang

Kemunculan penyakit berjangkit yang baru seperti SARS dan H1N1 serta peningkatan semula kejadian penyakit berjangkit seperti PTB, HIV, Hepatitis B dan lain-lain telah mendorong perlunya ada program kawalan infeksi yang cekap dan berkesan di semua fasiliti kesihatan awam. Program ini merupakan aktiviti yang penting dalam mengekalkan kesihatan anggota-anggota kesihatan awam.

Program kawalan infeksi perlu diwujudkan dan diamalkan secara betul dan berterusan agar dapat mengawal berlakunya jangkitan. Kegagalan dalam amalan kawalan infeksi akan memudahkan penularan jangkitan silang dari pesakit ke anggota kesihatan dan kepada pesakit lain. Oleh itu, adalah penting untuk semua anggota kesihatan, pesakit, ahli keluarga pesakit dan rakan-rakan mematuhi kawalan infeksi secara serius. Pihak pengurusan juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan lancar.

Istilah '*Standard Precautions*' telah menggantikan istilah '*Universal Blood and Body Fluid Precaution*', dan '*Additional (transmission-based) Precaution*' mengganti istilah '*Universal Precautions*' dan '*Barrier Nursing*'.

Anggota kesihatan mesti menganggap darah dan cecair badan pesakit berpotensi menjadi punca jangkitan. Oleh itu, *Standard Precaution* perlu diamalkan untuk mengurangkan transmisi mikroorganisma. '*Additional Precaution*' boleh digunakan sebagai tambahan dalam pengawalan penyakit berjangkit melalui udara, titisan dan sentuhan di fasiliti kesihatan.



2. Objektif


Objektif Umum

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada anggota kesihatan dan pihak pengurusan untuk meningkat dan memperkukuhkan pelaksanaan aktiviti kawalan infeksi di fasiliti kesihatan primer.

Objektif Khusus

Menyediakan maklumat berkaitan:

- Amalan penting di dalam '*standard and additional (transmission-based) precaution*'.
- Prosedur pembersihan dan sucihama peralatan yang digunakan semula.
- Pengurusan sisa klinikal.
- Penggunaan Alat Perlindungan Diri (*PPE*) oleh anggota kesihatan dan pesakit didalam mencegah transmisi penyakit.
- Pencegahan penyakit berjangkit di kalangan anggota kesihatan.
- Sistem pemantauan aktiviti kawalan infeksi di fasiliti kesihatan primer.



3. Skop Garis Panduan

Skop garis panduan ini merangkumi pencegahan, pengawalan, latihan, promosi dan pengurusan infeksi secara bersepadu di peringkat fasiliti kesihatan primer.

4. Amalan Kawalan Infeksi

4.1 a) *Standard Precautions* Dalam Pengurusan Pesakit

Amalan *Standard Precautions* digunapakai semasa pengendalian semua pesakit tanpa mengira diagnosis dan status jangkitan pesakit.

lanya juga digunapakai semasa mengendalikan cecair badan pesakit seperti berikut:-

- Darah
- Cecair badan yang mengandungi darah
- Air mani
- *Sekresi vagina*
- *CSF, Amniotic, Pericardial, Pleural fluids* dan sebagainya.
- Urin
- Najis
- Kahak
- Muntahan

Elemen Penting Dalam Amalan *Standard Precaution*:

1. Pembersihan tangan yang efektif (*effective hand hygiene*)
2. Pemakaian Alat Perlindungan Diri (*PPE*) yang betul (*glove, mask, eye, gown, face shield, wellington boot*)
3. Penyelenggaraan kebersihan dan pengurusan "*spillage*"
4. Disinfeksi dan sterilisasi (*patient-care equipment*)
5. Pengurusan linen kotor/tercemar yang betul
6. Pengurusan peralatan tajam dan sisa klinikal yang betul
7. Etika batuk/Etika respiratori

4.1 b) Amalan *Standard Precaution* Di Makmal

(**Rujukan:** Buku Panduan Keselamatan Makmal Perubatan, Klinik Kesihatan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Awam, KKM, 2009)


4.1.1 Pembersihan Tangan Yang Efektif (*Effective Hand Hygiene*)

Kaedah Cucian Tangan

Terdapat 4 kaedah di dalam pembersihan tangan yang efektif iaitu:-

1. Cucian tangan rutin
2. Cucian tangan aseptik
3. Cucian tangan dengan *hand rub*
4. Cucian tangan bagi tujuan pembedahan (*Surgical Hand Washing*)

(**Rujukan:** *Consensus statement on infection control measures in ICU by intensive care section, Malaysian Society of naesthesiologists in collaboration with anaesthetic & intensive care services MOH, 2009*).



Teknik Cucian Tangan

A. Teknik Cucian Tangan Dengan Sabun/Cecair Antiseptik (30-40 Saat)

i. Persediaan Sebelum Cuci Tangan



Basahkan tangan anda dengan air

Peringatan: Tanggalkan semua barangan kemas, jam tangan dan lain-lain.



Mengambil sabun atau cecair antiseptik secukupnya.


ii. Teknik Cucian Tangan (7 Langkah Pencucian Tangan)



1. Melekapkan kedua telapak tangan dan gosokkan kedua belah tapak tangan.



2. Lekap telapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.





3. Lekapkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.



4. Genggam tangan kiri, lekap tangan kanan di belakang tangan kiri dan gosok ke arah bawah dengan meliputi semua bahagian. Ulangi langkah ini di tangan kanan.




5. Gosokkan sekeliling ibu jari kiri dalam genggam telapak tangan kanan dan sebaliknya.



6. Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara berputar ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah di tangan kanan.



7. Gosokkan secara putaran di pergelangan tangan kanan dan begitu juga sebaliknya untuk tangan kiri. Bilas dengan air dan keringkan dengan tuala kertas pakai buang yang bersih.



B. Teknik Cuci Tangan Dengan *Hand Rub* (20-30 Saat)

i. Persediaan Sebelum *Hand Rub*



Mengambil *hand rub* secukupnya (3 ml).

Peringatan: Tanggalkan semua barangan kemas, jam tangan dan lain-lain. Gunakan '*Fast-acting antiseptic*' (contoh: *Alcohol based hand rub*)

ii. Teknik Cuci Tangan (7 Langkah Pencucian Tangan)




1. Gosokkan secara putaran ke depan dan ke belakang dengan genggam jari kiri di atas tangan kanan dan sebaliknya.




2. Melepapkan kedua telapak tangan dan gosokkan kedua belah tapak tangan.



3. Lekap telapak tangan kanan di atas belakang tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.





4. Lekapkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.



5. Genggam tangan kiri, lekap tangan kanan di belakang tangan kiri dan gosok ke arah bawah dengan meliputi semua bahagian. Ulangi langkah ini di tangan kanan.





6. Gosokkan sekeliling ibu jari kiri dalam genggam telapak tangan kanan dan sebaliknya.



7. Gosokkan secara putaran di pergelangan tangan kanan dan begitu juga sebaliknya untuk tangan kiri.




(Rujukan: *Hand Hygiene Handbook*, Unit Kualiti Bahagian Perkembangan Perubatan, MOH 2010).





Bila Amalan Kebersihan Tangan Perlu Dilaksanakan

Five Moments Of Hand Hygiene



Contoh *Five Moments Of Hand Hygiene*

01**Sebelum Menyentuh Pesakit****Contoh:**

Berjabat tangan, membantu pesakit untuk bergerak, pemeriksaan fizikal

02**Sebelum Melakukan Prosedur Aseptik****Contoh:**

Melakukan sedutan sekresi, pembersihan luka, memberi suntikan vaksin, mengambil darah

03**Selepas Terdedah Cecair Badan Yang Berisiko****Contoh:**

Mengambil spesimen darah, mengendalikannya sisa klinikal

04**Selepas Menyentuh Pesakit****Contoh:**

Berjabat tangan, membantu pesakit untuk bergerak, pemeriksaan fizikal

05**Selepas Menyentuh Persekitaran Pesakit****Contoh:**

Menukar sarung tilam

4.12 PEMAKAIAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

Penggunaan *PPE* dapat menghalang anggota fizikal daripada terdedah kepada mikroorganisma. *PPE* dapat mengurangkan tetapi tidak menghapuskan risiko mendapat jangkitan. Ia memberi perlindungan dengan membantu mencegah mikroorganisma dari:


- Mencemarkan tangan, mata, rambut, pakaian dan kasut
- Tersebar kepada pesakit dan anggota kesihatan lain.

Bekalan *PPE* hendaklah berterusan dan anggota perlu menerima latihan penggunaan yang betul. Anggota kesihatan harus menyedari bahawa penggunaan *PPE* tidak menggantikan langkah asas kawalan jangkitan iaitu penjagaan kebersihan tangan.

Siapa Yang Perlu Menggunakan *PPE*

PPE perlu digunakan oleh:




- a) Anggota kesihatan yang memberikan penjagaan langsung kepada pesakit dan berisiko terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit
- b) Anggota sokongan yang terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit.
- c) Anggota makmal yang mengendalikan spesimen dan prosedur.
- d) Anggota keluarga yang mengiringi pesakit yang mungkin terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit.



Prinsip Penggunaan *PPE*

Prinsip-prinsip tersebut dibawah perlu dipatuhi dalam penggunaan *PPE*


- a) Anggota kesihatan perlu mengetahui risiko terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit.
- b) *PPE* dipilih mengikut kesesuaian dengan risiko pendedahan.
- c) *PPE* yang telah tercemar tidak boleh dibawa keluar dari kawasan penjagaan pesakit.
- d) *PPE* yang telah tercemar dibuang ke dalam bekas sisa klinikal mengikut katogeri
- e) *PPE* tidak boleh dikongsi dengan orang lain.
- f) Tukar *PPE* dan cuci tangan setiap kali merawat pesakit.



Jenis-Jenis PPE Dan Penggunaan

Bil	PPE	Penggunaan
1.	Pelindung kepala (<i>cap</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk melindungi bahagian rambut dan kepala.
2.	Sarung tangan (<i>gloves</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk melindungi tangan (keperluan pemakaiannya adalah merujuk kepada <i>WHO glove use information leaflet (Lampiran 1)</i>. • <i>Double gloving</i> perlu digunakan bagi kes berisiko tinggi. • Sarung tangan perlu ditukar apabila melakukan prosedur yang berlainan walaupun pada pesakit yang sama.
3.	Alat pelindung pernafasan (<i>mask</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk melindungi mulut dan hidung. • <i>Respirators</i> – melindungi saluran pernafasan dari jangkitan mikroorganisma bawaan udara. • Jenis-jenis alat pelindung pernafasan: <ul style="list-style-type: none"> a. ‘Surgical mask/3 ply mask’ <ul style="list-style-type: none"> o Perlu dipakai oleh anggota atau pesakit yang mengalami demam atau tanda-tanda jangkitan respiratori (<i>droplet precaution</i>) o Melakukan prosedur aseptik b. N95 <ul style="list-style-type: none"> o N95 Respirator dipakai oleh anggota yang menjalankan prosedur yang menghasilkan aerosol (cth: intubasi, <i>suctioning</i>) terhadap pesakit yang diketahui atau disyaki menghidap jangkitan respiratori. (<i>airborne precaution</i>) o ‘<i>Seal check</i>’ mesti dilakukan setiap kali menggunakan N95 Respirator.

Bil	PPE	Penggunaan
4.	Alat pelindung mata/ muka (<i>goggles face sheild</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Alat pelindung mata berfungsi untuk melindungi mata. • Alat pelindung muka berfungsi untuk melindungi muka, mulut, hidung dan mata. • Bagi alat yang boleh diguna semula ia perlu dibersihkan dan dibasmi kuman sebelum disimpan.
5.	Gaun dan apron plastik	<ul style="list-style-type: none"> • Gaun/apron yang bersih dan kalis air perlu dipakai untuk melindungi kulit dan pakaian. • Apron pakai buang lebih sesuai digunakan.
6.	<i>Wellington boots/</i> pelindung kasut	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Wellington boots</i> dan pelindung kasut melindungi bahagian kaki dan kasut. • <i>Wellington boots</i> yang telah digunakan perlu dibersihkan dan dibasmi kuman sebelum disimpan. • Pelindung kasut yang telah digunakan perlu dibuang kedalam bekas yang bersesuaian.




Contoh Alat Pelindungan Diri (PPE)



Alat perlindungan mata (*goggles*)



Face shield



4.13 PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN PENGURUSAN "SPILLAGE".

- a) Penyelenggaraan Kebersihan
- Pembersihan dijalankan secara berjadual dan berkala.
 - Semua peralatan dan persekitaran perlu bebas daripada cecair badan, habuk dan kotoran lain.
 - Kawasan klinikal perlu dibersihkan menggunakan kaedah '*wet mopping*' atau vakum.
 - Pembersihan lantai menggunakan mop dijalankan 2 kali sehari atau lebih kerap jika perlu di kawasan klinikal.

Mop ditag warna mengikut risiko lokasi.

	Putih	Untuk dilantai biasa dan ruangan pejabat
	Biru	Kawasan ruangan menunggu pesakit
	Hijau	Kawasan <i>Specialized</i> (bilik rawatan) dan " <i>spillages</i> "
	Merah	Tandas dan bilik utiliti kotor

- Penggunaan mop dilakukan dengan kaedah '*double bucket*'.
- Mop lantai dari kawasan/lokasi risiko rendah ke risiko tinggi.

- Kawasan yang berisiko tinggi (bilik rawatan, makmal) perlu dibersihkan dengan *high level disinfectant* sekurang-kurangnya 1 kali sehari.
- Mop perlu dibersihkan dan dikeringkan:
 - * Setiap kali selepas penggunaan.
 - * Secara rutin selepas pembersihan darah, cecair badan, sekresi dan kumuhan.
 - * Selepas membersihkan kawasan tercemar, bilik rawatan atau bilik pengasingan.

b) Pengurusan 'Spillage'

- 'Spillage kit' perlu sentiasa mudah diperolehi apabila berlaku kontaminasi tumpahan cecair badan pesakit.
- Kawasan yang mengalami tumpahan perlu dikuarantin dan diletakkan penanda.
- Bahan disinfeksi campuran *Sodium hypochlorite* perlu digunakan untuk pembersihan tumpahan cecair bahan pesakit;
 - * **Small spills:**
 - Gunakan bahan meresap seperti kertas tisu, mop dengan *Sodium hypochlorite* 1:10 dan buang sebagai sisa klinikal.
 - * **Large spills:**
 - Serap spillage menggunakan bahan meresap seperti kertas tisu, tuang *Sodium hypochlorite* 1:10, biarkan selama 5-10 min dan mop semula bahagian terlibat serta buang sebagai sisa klinikal.

atau

- Taburkan *chloride granules* dari luar ke dalam, biarkan selama 5-10 min. Sapu menggunakan berus dan penyodok sampah serta buang sebagai sisa klinikal. Mop kawasan terlibat dengan *Sodium hypochlorite* 1:100.
- Peralatan yang digunakan untuk membersihkan tumpahan cecair badan pesakit hendaklah jenis pakai-buang atau boleh didekontaminasikan.

4.14 DISINFEKSI & STERILISASI

DEFINISI

- **Disinfeksi:** Ia adalah satu proses untuk mengurangkan jumlah mikro organisma pada peralatan yang tercemar tetapi tidak termasuk spora.
- **Sterilisasi:** Ia adalah satu proses untuk mengeluarkan dan membunuh semua jenis mikro organisma termasuk spora.

Untuk mengelakkan jangkitan silang, peralatan perubatan yang boleh diguna semula perlu dibersihkan dan disterilkan bagi memastikan ianya bebas dari pencemaran mikro organisma dan spora.

Tahap pembersihan peralatan perubatan perlu berdasarkan kepada klasifikasi risiko, dan proses disinfeksi perlu dijalankan menggunakan bahan kimia yang sesuai.

Proses Disinfeksi Dan Sterilisasi

Jenis Disinfeksi	Kategori Peralatan	Kriteria	Contoh Peralatan
Memerlukan sterilisasi	Peralatan kritikal	<ul style="list-style-type: none"> Peralatan perubatan yang digunakan untuk prosedur <i>invasive</i> (menembusi tisu steril atau sistem vaskular). Peralatan dibeli sepatutnya steril atau disterilkan sebelum penggunaan. 	Alat pembedahan/ <i>vascular catheter</i> .
<i>High level</i>	Separa kritikal	<ul style="list-style-type: none"> Peralatan perubatan yang digunakan bersentuhan dengan membran mukosa atau kulit yang tidak <i>intact</i> sepatutnya bebas dari mikro organisma. Memerlukan <i>high level disinfection</i> dengan disinfeksi kimia. 	<i>Vaginal speculum, nebulizer cups</i> dan <i>flexible/rigid scope</i> .
<i>Intermediate level</i>	Separa kritikal	<ul style="list-style-type: none"> Sesetengah peralatan semi kritikal. 	Termometer kaca dan elektronik.
<i>Low level</i>	Tidak kritikal	<ul style="list-style-type: none"> Peralatan perubatan yang digunakan bersentuhan dengan kulit yang <i>intact</i> tetapi bukan membran mukosa. Memerlukan <i>low level disinfection</i> dengan disinfeksi kimia. 	<i>Bedpan, Blood Pressure Cuff, Ear Funnels, Kerusi Roda, Troli</i> dan Katil.

- a) Kaedah sterilisasi yang digunakan bergantung kepada kemudahan yang terdapat di fasiliti kesihatan berkenaan.
- b) Peralatan yang sensitif haba perlu disterilkan menggunakan kaedah tekanan bersuhu rendah.
- c) Semua peralatan dan perkakas dibungkus dan dilabelkan sebelum disterilkan menggunakan mesin *autoclave*.
- d) Proses sterilisasi perlu direkodkan.
- e) Mesin *autoclave* perlu diselenggara dan direkodkan.
- f) Kakitangan yang mengendalikan sucihama perlu menjalani latihan.
- g) Semua peralatan perubatan yang sudah disucihama perlu disimpan di tempat yang kering, bersih dan bebas dari habuk, haba, kelembapan dan disusun mengikut keperluan (*First In First Out/FIFO*).
- h) Jenis disinfeksi yang digunakan mestilah yang tersenarai dalam formulari ubat KKM.

(Rujukan: *MOH Guidelines For Selection And Use Of disinfectant*, KKM, 2007)

4.15 PENGURUSAN LINEN KOTOR/TERCEMAR

- a) Linen tercemar merupakan linen yang telah dicemari oleh cecair badan dan sekresi yang berisiko mendatangkan jangkitan.
- b) Gunakan *PPE* semasa mengendalikan linen.
- c) Jangan mengibas linen yang telah digunakan untuk mengurangkan penyebaran organisma berbahaya.
- d) Jangan lakukan proses pengasingan linen yang telah digunakan di tempat rawatan pesakit.
- e) Simpan linen yang bersih di tempat yang sesuai, didalam rak bertutup, diletakkan sekurang-kurangnya 4-6 inci jauh dari lantai, 2 inci dari dinding dan siling dan bertutup semasa pengangkutan.
- f) Linen untuk disucihama perlu dibalut sebelum di *autoclave*.

Proses Pengendalian Linen Kotor/Tercemar

Bil.	Kod Warna Bekas	Jenis Linen	Kaedah Pembersihan
1.	Putih	Linen yang telah digunakan tetapi tidak tercemar.	<ul style="list-style-type: none"> Cuci dengan detergen, bilas dengan air paip dan jemur dibawah matahari (Penggunaan <i>'heavy duty washing machine/dryers</i> adalah di sarankan).
2.	Merah	Linen tercemar.	<ul style="list-style-type: none"> Rendamkan linen yang tercemar dengan larutan <i>Sod. Hypochlorite 0.5%</i> selama 30 minit. Cuci dengan detergen, bilas dan jemur di bawah matahari untuk pengeringan.

Kod Warna Beg Linen Yang Perlu Ada Di Fasiliti Kesihatan



4.16 PENGURUSAN PERALATAN TAJAM DAN SISA KLINIKAL

Klasifikasi Sisa

Sisa pembuangan dari fasiliti kesihatan dibahagikan kepada lima kategori iaitu:


- Sisa Klinikal
- Sisa Radioaktif
- Sisa Kimia
- Sisa Bekas *Pressurized*
- Sisa Domestik (Am)

Sisa klinikal merupakan sisa pembuangan yang berpotensi menyebabkan jangkitan penyakit dan memerlukan sistem pengurusan yang selamat.

Kumpulan Sisa Klinikal

Kumpulan	Jenis Sisa Klinikal
A	Sisa terhasil dari tubuh badan manusia seperti darah, nanah, biopsi, organ-organ manusia, <i>swab</i> , <i>gauze</i> dan plaster yang digunakan.
B	Peralatan tajam yang boleh mencederakan seperti jarum, picagari, <i>scalp/razor blade</i> , <i>cuvette</i> , <i>pipette</i> , <i>ampule</i> , <i>vial</i> dan lain-lain.
C	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kahak, najis, <i>stool specimen</i>, cecair badan, darah, bekas darah dan lain-lain. 2. Sisa hasilan makmal patologi, hematologi, mikrobiologi dan forensik cth: bahan dari spesimen makmal seperti <i>expired blood</i>, <i>blood components</i>, <i>culture plate</i>, tisu surgikal.
D	Sisa dari farmasi - ubat-ubatan, <i>vaccine</i> dan serum
E	Bahan pakai buang seperti <i>bedpan liners</i> , <i>disposable urine container/bag</i> , <i>Incontinent bag</i> dan <i>stoma bag</i> . (Tidak digunakan di peringkat fasiliti kesihatan primer).

Pengasingan Sisa Klinikal



Tatacara Pengurusan Bekas Yang Digunakan

Bekas Yang Digunakan	Tatacara Pengurusan
Plastik kuning <i>biohazard</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Plastik kuning <i>biohazard</i> perlu diletakkan di dalam 'container' kuning bertanda 'biohazard' dan sentiasa bertutup. • Plastik kuning <i>biohazard</i> yang telah penuh diikat ketat. Pastikan pengendalian bag sisa klinikal diminimumkan. • Plastik kuning <i>biohazard</i> perlu dikeluarkan dari kawasan klinikal setiap hari dan simpan di tempat simpanan sementara. • Dua lapisan plastik kuning <i>biohazard</i> perlu digunakan untuk sisa klinikal dari penyakit berjangkit yang berisiko tinggi dan sisa klinikal yang berat seperti plasenta.
<i>Sharp Bin</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sharp Bin</i> digunakan untuk sisa jarum/peralatan tajam sahaja. • <i>Sharp Bin</i> yang digunakan perlu mengikut spesifikasi KKM dan diagihkan berdasarkan saiz dan kapasiti penggunaan. • <i>Sharp Bin</i> perlu sentiasa tersedia di lokasi di mana prosedur dijalankan (cth: suntikan, pengambilan darah). • Tulis tarikh mula digunakan pada penutup <i>Sharp Bin</i>. • <i>Sharp Bin</i> yang telah mencapai paras 3/4 perlu ditutup rapat dan dimasukkan dalam plastik kuning <i>biohazard</i> dan diikat serta dilabelkan tarikh. • <i>Sharp Bin</i> perlu ditukar mengikut mana-mana yang dahulu: <ul style="list-style-type: none"> ◦ Apabila kandungannya mencapai paras 3/4 penuh <p style="text-align: center;">atau</p> <ul style="list-style-type: none"> ◦ Sekurang-kurangnya 1 kali seminggu (jika kandungan tidak mencapai paras 3/4 penuh) <p>(Rujukan: Surat Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan bertarikh 5 April 2005, Bil(7)KKM-153/(90/KWS/1) Bhg.8)</p>

Bekas Yang Digunakan	Tatacara Pengurusan
Plastik biru <i>Biohazard</i>	<ul style="list-style-type: none"> Sisa klinikal yang perlu didisinfeksi dimasukkan ke dalam beg plastik biru <i>biohazard</i>. Beg plastik biru <i>biohazard</i> perlu diletakkan di dalam 'container' kuning bertanda '<i>biohazard</i>' dan sentiasa bertutup. Setelah didisinfeksi, masukkan ke dalam beg plastik kuning <i>biohazard</i> untuk dilupuskan.
<i>Biohazard Bin</i>	<ul style="list-style-type: none"> Semua <i>Biohazard Bin</i> perlu di cuci sekurang-kurangnya setiap minggu atau lebih kerap bila perlu.

Tatacara Penyimpanan Dan Penghantaran Sisa Klinikal

Proses	Tatacara
Simpanan Sementara	<ol style="list-style-type: none"> Bagi mengelakkan pengumpulan dan dekomposisi sisa, sisa klinikal perlu dikumpulkan secara harian. Sisa klinikal dikumpul di tempat simpanan sementara yang selamat. Kawasan simpanan sementara merupakan kawasan di mana bekas yang lebih besar diletakkan sebelum dialihkan ke tempat simpanan berpusat.
Pengangkutan Dalam	<ol style="list-style-type: none"> Pengangkutan dari tempat simpanan sementara ke tempat simpanan berpusat perlu menggunakan <i>wheelie bin</i> atau troli khas. Peralatan yang digunakan untuk mengangkut sisa klinikal didisinfeksi dan dibersihkan secara menyeluruh selepas digunakan.
Simpanan Sisa Berpusat	<ol style="list-style-type: none"> Saiz tempat simpanan sisa berpusat perlu berdasarkan kepada kapasiti sisa yang disimpan serta kekerapan pengumpulan sisa tersebut. Tempat tersebut juga perlu mudah dibersihkan serta mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang baik serta selamat dari gangguan makhluk perosak.

Proses	Tatacara
	<ul style="list-style-type: none"> c. Tempoh simpanan sisa klinikal di tempat simpanan berpusat seharusnya tidak melebihi 24-48 jam. d. Bilik sejuk (4-6^oC) disarankan sebagai tempat simpanan sisa berpusat, jika sisa klinikal perlu disimpan dalam kuantiti yang banyak melebihi 48 jam.
Pengangkutan dan penghantaran untuk pelupusan	<ul style="list-style-type: none"> a. Pengangkutan sisa klinikal dari tempat simpanan berpusat untuk tujuan pelupusan perlu menggunakan kenderaan yang khusus. b. Penghantaran sisa klinikal perlu direkodkan dan dipastikan mudah dikesan. c. Kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan sisa klinikal perlu didisinfeksi selepas penghantaran.
Rawatan dan Pelupusan akhir sisa	<ul style="list-style-type: none"> a. Sisa klinikal merupakan sisa berjadual di mana pelupusannya adalah tertakluk kepada <i>Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations, 2005</i>.

4.17 ETIKA BATUK/ETIKA RESPIRATORI

Batuk yang dikeluarkan oleh pesakit yang mempunyai masalah jangkitan saluran respiratori juga boleh menjadi penyumbang kepada penyebaran organisma.

Etika batuk perlulah diamalkan bagi mencegah penyebaran organisma yang boleh menyebabkan transmisi penyakit.



Gunakan kertas tisu untuk menutup mulut semasa anda batuk atau bersin



Buang tisu yang digunakan ke dalam tong sampah



Sentiasalah membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun atau '*alcohol based hand rub*' untuk membersihkan tangan anda



Pakailah '*surgical mask*' apabila anda menghidap batuk atau selsema

4.2 Additional Precautions

Additional Precautions dilaksanakan bila mana langkah-langkah *standard precautions* yang diamalkan tidak dapat membendung transmisi jangkitan di fasiliti kesihatan;

4.2.1 Transmisi Jangkitan Melalui Udara (*H1N1, PTB, Measles*)

Jenis Langkah Kawalan	Tindakan
Penempatan Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Sistem <i>triage</i> & ruang menunggu berasingan ii. Bilik pemeriksaan dilengkapi dengan kemudahan pengudaraan mekanikal '<i>negative pressure</i>' iii. Menggunakan pengudaraan semulajadi jika tiada kemudahan pengudaraan '<i>negative pressure</i>'
Perlindungan Respiratori	<ul style="list-style-type: none"> i. Anggota kesihatan; Respirator <i>N95</i> ii. Pesakit/pelanggan disyaki <i>PTB</i>; <i>3 ply Mask</i>
Pengkangkutan Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Pesakit/pelanggan perlu memakai <i>surgical mask</i> ii. Hadkan pergerakan pesakit

422 Transmisi Jangkitan Melalui Titisan (Nipah, Mumps, Rubella, Influenza, SARS)

Jenis Langkah Kawalan	Tindakan
Penempatan Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Implementasi '<i>standard precautions</i>' ii. Bilik pemeriksaan dilengkapi dengan kemudahan pengudaraan mekanikal '<i>negative pressure</i>' iii. Menggunakan pengudaraan semulajadi jika tiada kemudahan pengudaraan '<i>negative pressure</i>'
Perlindungan Respiratori	<ul style="list-style-type: none"> i. Anggota kesihatan; Guna <i>surgical mask</i> ii. Semasa membuat pemeriksaan/prosedur: pastikan jarak 1-2 meter daripada pesakit
Pengangkutan Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Pesakit/pelanggan perlu memakai <i>surgical mask</i> ii. Hadkan pergerakan pesakit

423 Transmisi Jangkitan Melalui Sentuhan (*Herpes Simplex, MRO, MRSA*)

Jenis Langkah Kawalan	Tindakan
Penempatan Pesakit	- Nil -
Perlindungan Respiratori	<ul style="list-style-type: none"> i. Anggota Kesihatan; Basuh tangan dengan antiseptik selepas melakukan pemeriksaan/prosedur ii. Guna sarung tangan pakai-buang
Pengangkutan Pesakit	<ul style="list-style-type: none"> i. Hadkan pergerakan pesakit

5. Pencegahan Penyakit Berjangkit Di Kalangan Anggota Kesihatan

Pencegahan penyakit berjangkit di kalangan anggota kesihatan merupakan kerjasama di antara pihak majikan dan pihak pekerja. Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2004, pihak majikan perlu memastikan tempat kerja yang selamat dan sihat manakala pihak pekerja perlu mengikut arahan majikan dalam usaha mengekalkan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

Beberapa aktiviti kesihatan dan keselamatan dijalankan untuk anggota-anggota KKM di bawah Unit Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

5.1 Saringan

Saringan Pra Pengambilan

Anggota kesihatan akan menjalani saringan penyakit semasa saringan pra pengambilan

Saringan Pra Penempatan

Anggota yang terlibat didalam penjagaan pesakit (*patient care*) termasuk Juruteknologi Makmal Perubatan perlu menjalani saringan kesihatan sebelum memulakan tugas di klinik kesihatan. **(Rujukan "Guidelines On Prevention and Management of Tuberculosis for Health Carre Workers In Ministry of Health Malaysia")**.

Saringan Dalam Perkhidmatan

Anggota kesihatan termasuk Juruteknologi Makmal Perubatan yang terlibat didalam pengendalian pesakit TB juga perlu menjalani saringan kesihatan secara berkala. Anggota yang menunjukkan tanda-tanda peyakit TB perlu menjalani saringan dan dirawat sekiranya didapati mengidap TB.

5.2 Perlindungan Jangkitan PTB

Semua anggota di fasiliti kesihatan yang ada mengendalikan kes PTB perlu menjalani pemeriksaan pra penempatan menggunakan kaedah borang OHU TB-1 termasuk ujian saringan untuk Penyakit TB. Saringan ini bertujuan untuk mengenalpasti anggota KKM yang memiliki tanda dan gejala penyakit PTB supaya langkah-langkah pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan. Saringan ini akan dilaksanakan pada peringkat berikut;

- Saringan Pra Pekerjaan
- Saringan Berkala **atau**
- Jika ada simptomatik

(**Lampiran 2**): Carta Aliran Saringan Penyakit PTB)

Mana-mana fasiliti kesihatan yang mengendalikan kes PTB mesti mempunyai Program Alat Lindung Diri dimana semua pekerja yang bertugas di fasiliti ini akan diwajibkan memakai alat lindung diri yang dibekalkan semasa berada di fasiliti ini. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memastikan alat lindung diri yang dibekalkan bersesuaian dan sentiasa mencukupi. Pemakaian alat diri yang dibekalkan dikalangan para pekerja mesti sentiasa dipantau.

(**Rujukan**: "Guidelines On Prevention and Management of Tuberculosis for Health Care Workers In Ministry of Health Malaysia").

5.3 Penyakit Berjangkit Melalui Darah

a) Program Imunisasi Hepatitis B Untuk Anggota KKM

Imunisasi Hepatitis B

Program Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia, dijalankan bagi anggota yang mengendalikan atau terdedah kepada cecair badan pesakit. Anggota kesihatan perlu mendapatkan imunisasi Hepatitis B yang lengkap (Tiga dos) dan membuat ujian saringan pos-imunisasi (Anti-HBs) dalam tempoh satu hingga dua bulan daripada tarikh dos ke tiga diperolehi (**Rujuk** Carta 3 & 4). Sekiranya anggota kesihatan tersebut telah melalui proses imunisasi Hepatitis B (Samada Kump.1 atau Kump.2) dan masih tidak reaktif, anggota kesihatan terbabit perlu dirujuk kepada Pakar Perubatan untuk kaunseling pekerjaan.

(**Rujukan**: Garis Panduan Pelaksanaan Program Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia, Terbitan Unit Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit KMM] Edisi Kedua 2011)

(**Lampiran 3**: Carta Alir Proses Imunisasi Heb B Bagi Kumpulan 1)

(**Lampiran 4**: Carta Alir Proses Imunisasi Heb B Bagi Kumpulan 2)

b) Program *Sharps Injury Surveillance*


Kecederaan akibat alatan tajam adalah kecederaan yang boleh membawa kemudaratan kepada kesihatan anggota jika terdapat pendedahan kepada penyakit berjangkit seperti Hepatitis B, Hepatitis C dan HIV disebabkan pencemaran alatan tajam dengan darah pesakit. Program *Sharps Injury Surveillance* telah dimulakan dalam tahun 2007.

Langkah-langkah yang perlu di ambil selepas terdedah kepada kecederaan akibat benda tajam:

- Tindakan perlu diambil untuk membersihkan luka dan mendapat rawatan dengan serta merta.
- Insiden kecederaan akibat benda tajam perlu dilaporkan oleh anggota kesihatan terbabit kepada penyelia lokasi dengan segera.
- Penyelia Lokasi perlu merujuk anggota kesihatan terbabit kepada Pakar Perubatan Keluarga dengan segera, dalam masa 24 jam untuk penilaian dan rawatan pasca pendedahan (*post exposure prophylaxis*). Penilaian risiko kes perlu dilakukan oleh Pakar Perubatan menggunakan (Borang SIS 2a.) (**Lampiran 5**)

(Rujukan: *Guidelines on Occupational Exposures to HIV, Hepatitis B and Hepatitis C and recommendations for Post Exposure Prophylaxis*).

- Notifikasi kes perlu dibuat oleh Penyelia Lokasi kepada Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang akan menyasiat kes tersebut.
- Borang SIS 1 dan Registri *Sharps Injury* perlu diisi oleh Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan dihantar ke Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar di Jabatan Kesihatan Negeri. (**Lampiran 6**)
- Jika kecederaan berlaku di luar waktu pejabat laporan boleh dibuat kepada Ketua Jururawat Yang Menjaga atau Jururawat Kesihatan Awam Yang Menjaga atau Penolong Pegawai Perubatan Yang Menjaga yang bertugas atas panggilan (*on-call*).



Langkah-Langkah Membersih Luka Akibat Benda Tajam:



Galakkan pendarahan dari luka akibat benda tajam dengan memicit secara lembut.




Basuh luka dengan sabun dan air bersih



Balut luka dengan pembalut luka kalis air

Rujukan: Carta Alir Pengurusan Kecederaan Akibat Benda Tajam **(Lampiran 7).**



6. Latihan

Latihan dalam kawalan infeksi dan protokol melakukan kerja dengan cara selamat merupakan langkah yang pertama dan paling penting dalam usaha pencegahan penyakit berjangkit.

Latihan diberi semasa orientasi anggota baru dan juga secara berkala untuk mengukuhkan konsep pencegahan dan amalan kawalan infeksi.

6.1 Skop Latihan

Skop latihan yang dijalankan perlu merangkumi:-

- a. Organisasi dalam kawalan infeksi
- b. Epidemiologi penyakit berjangkit
- c. Kesihatan dan keselamatan di tempat kerja
- d. *Standard Precautions*
- e. *Standard Precautions for Laboratory Services*
- f. *Additional Precautions*
- g. Program pencegahan penyakit berjangkit di kalangan anggota kesihatan
- h. Prosedur pengurusan anggota terdedah kepada jangkitan penyakit
- i. Pendidikan pesakit berkenaan kawalan infeksi
- j. Pemantauan dalam aktiviti kawalan infeksi

6.2 Anggota Yang Perlu Diberi Latihan

- a) Anggota kesihatan yang memberikan penjagaan langsung kepada pesakit dan berisiko terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit.
- b) Anggota sokongan yang berisiko terdedah kepada darah, cecair dan sekresi badan pesakit.
- c) Anggota makmal yang mengendalikan spesimen dan prosedur.

7. Pendidikan Pesakit

- a) Pesakit dan pelanggan yang mengunjungi fasiliti kesihatan juga perlu diberi pendedahan berkenaan amalan kawalan jangkitan bagi mengelakkan penularan jangkitan.
- b) Antara amalan kawalan jangkitan yang perlu diberi perhatian;
 - Etika batuk
 - Kebersihan tangan
 - Penggunaan *PPE*
- c) Pendidikan pesakit boleh dilaksanakan melalui ceramah, khidmat nasihat dan penyebaran maklumat melalui media cetak dan elektronik.

8. Penyeliaan

Penyeliaan dalaman diperingkat klinik kesihatan perlu dilaksanakan oleh *Link Nurse* yang dilantik.

Kekerapan penyeliaan dalaman dilaksanakan mengikut kesesuaian dan kemampuan setempat.

Rujukan: Garis Panduan Lantikan *Link Nurse* Di Klinik Kesihatan (**Lampiran 8**).

Rujukan: Senarai Semak Audit (**Lampiran 9**).

9. Pemantauan

9.1 Pemantauan Dalaman

Pemantauan dalaman dilaksanakan oleh *Link Nurse* yang dilantik dengan menggunakan format Senarai Semak Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (**Lampiran 9**) yang disediakan.

Tindaksusul dan langkah penambahbaikan perlu diambil terhadap hasil pemantauan yang dijalankan. Laporan hasil pemantauan perlu disediakan berdasarkan format Laporan Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (Ringkasan Fasiliti) (**Lampiran 9A**) dan disimpan diperingkat fasiliti kesihatan untuk tujuan semakan oleh pasukan audit dan penyediaan laporan.

Secara keseluruhannya, Pakar Perubatan Keluarga/Pegawai Perubatan Yang Menjaga fasiliti kesihatan primer bertanggungjawab dalam memantau pelaksanaan tugas *Link Nurse*. Secara tidak langsung Pakar Perubatan Keluarga/Pegawai Perubatan Yang Menjaga juga bertanggungjawab dalam memastikan aktiviti kawalan infeksi dilaksanakan diperingkat fasiliti masing-masing.

9.2 Pemantauan Luaran

Pemantauan luaran pelaksanaan aktiviti kawalan infeksi diperingkat fasiliti kesihatan primer dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri bersama-sama anggota dari Pejabat Kesihatan Daerah melalui lawatan audit yang dibuat dua kali setahun (setiap enam bulan) dengan menggunakan format Senarai Semak Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (**Lampiran 9**) yang disediakan. Ahli pasukan audit perlulah dilantik dari kalangan anggota yang telah dilatih dalam kawalan infeksi.

Pihak Jabatan Kesihatan Negeri hendaklah membuat pemilihan sekurang-kurangnya tujuh (7) buah fasiliti kesihatan primer merangkumi KK, KD, K1M dan KB1M dalam setiap pusingan pengauditan. Pemilihan fasiliti dilakukan secara *random sampling* dari senarai fasiliti yang ada.

- **Penghantaran Laporan**

Data hasil penemuan audit yang dijalankan perlu dikompilasi dan dihantar ke Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga dengan menggunakan format Laporan Audit Kawalan Infeksi Di Fasiliti Kesihatan Primer (Ringkasan Negeri) (**Lampiran 9B**) yang disediakan.

Pasukan audit juga perlu memaklumkan hasil audit dan mencadangkan langkah penambahbaikan yang perlu diambil kepada fasiliti kesihatan primer yang diaudit. Ini adalah bagi memastikan pembelajaran dan penambahbaikan yang berterusan.

Laporan JKN (Ringkasan Negeri) perlu dihantar ke Ibu Pejabat (BPKK) **sebelum atau pada 30 Julai (Pusingan 1)** dan **30 Januari (Pusingan 2)** dalam bentuk *softcopy* (melalui email) dan *hardcopy* (melalui surat) selepas disemak dan diakui oleh Pengarah/TPKN (KA).

- **Pengiraan Pencapaian Audit**

$$\text{Cara Pengiraan Peratus Pematuhan} = \frac{\text{Bilangan Mematuhi (a)}}{\text{Jumlah Bilangan Elemen - Bilangan Tidak Berkaitan (c)}} \times 100$$

